



Persekitaran Insani

Memupuk Budaya Kerja Cemerlang

Persekitaran yang baik dalam sesebuah organisasi merupakan antara ciri yang perlu ada untuk membentuk budaya kerja yang cemerlang. Hal ini dilihat dari pelbagai sudut seperti kecanggihan fasilitet, kemudahan yang disediakan dan imbuhan tahunan.

Walau bagaimanapun, tanpa persekitaran insani, segala kemudahan dan kecanggihan tersebut belum dapat menjamin kepuasan dalaman yang melibatkan hubungan antara majikan dengan pekerja. Begitu

juga hubungan antara pekerja dengan pekerja lain. Tanpa persekitaran insani, berkemungkinan pekerja akan berasa tertekan, tidak bermotivasi, menyendiri, mahu memberontak dan melakukan pelbagai perilaku negatif lain yang akan memberikan kesan terhadap kecemerlangan organisasi.

Persekitaran insani bermaksud persekitaran yang menegakkan keadilan dan kebajikan, bersikap profesional dan objektif, mengamalkan sifat saling menghormati, berakhlak dan beradab, tidak meninggi diri atau angkuh, tidak berhasad dengki, memimpin dengan ketegasan, membentuk budaya dan adab

dalam perbezaan pendapat, dan mementingkan budaya syura untuk menentukan sesuatu keputusan. Perkara ini harus menjadi dasar utama untuk membentuk budaya kerja cemerlang sama ada dalam kalangan pemimpin mahupun pekerja yang dipimpin.

Pada hakikatnya, persekitaran insani ini harus dipupuk, dibudayakan dan seterusnya diamalkan oleh semua pihak sama ada majikan, pemimpin, mahupun orang yang dipimpin. Budaya kerja berkualiti penting bagi menentukan kepimpinan yang berciri insani kerana pemimpin yang mempunyai kualiti insani yang tinggi mampu menjaga persekitaran insani dalam sesebuah organisasi, dan seterusnya dapat membentuk persekitaran yang kondusif dan berkeadilan.

Pemimpin

Siapakah yang perlu dilantik sebagai pemimpin atau ketua? Mungkin kita selalu terperangkap dalam definisi literal yang sempit, iaitu ketua mestilah orang yang paling tua dan berpengalaman, mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi, orang yang mampu mengurus jabatan, organisasi dan pertubuhan dengan baik, ataupun seharusnya kita perlu melihat kepada ciri tertentu seperti potensi dan kualiti yang ada pada seseorang dan disokong dengan kelebihan lain yang positif?



Kesilapan memilih pemimpin boleh mengundang kerosakan, bahkan malapetaka besar kepada sesebuah organisasi dan negara.

Untuk menjawab persoalan tersebut, kita perlu melihat bagaimana Nabi Muhammad SAW menitikberatkan budaya kualiti ketika ingin melantik ketua atau pemimpin.

Di bawah kepimpinan Rasulullah SAW, semua orang berpeluang untuk mengembangkan

bakatnya tidak kira sama ada mempunyai hubungan rapat dengan Baginda ataupun tidak. Hal ini termasuklah orang yang pernah memusuhi Islam seperti Umar bin al-Khattab dan Khalid bin al-Walid. Baginda tidak pernah mendiskriminasikan apatah lagi mengungkit sejarah silam mereka, iaitu sebelum mereka memeluk Islam. Budaya kualiti amat dititikberatkan oleh Baginda sehinggakan orang muda seperti Usamah bin Zaid diberikan kepercayaan memimpin ekspedisi ketenteraan ketika usianya belasan tahun kerana kualiti kepimpinan yang ada padanya.

Memang tidak dinafikan, ada juga yang mementingkan faktor kekananan, tetapi usah terlalu menitikberatkan faktor umur sehingga menyekat perkembangan potensi dan bakat orang muda. Pernah dikhabarkan dalam satu pertemuan seorang anak muda dengan seorang khalifah Umayyah, khalifah tersebut keberatan untuk menemuinya lalu berkata, "Tampilah yang lebih tua daripada kamu." Anak muda itu berkata, "Wahai amir al-mukminin, andainya keutamaan itu berdasarkan umur, mungkin ada orang lain yang lebih berhak menjadi khalifah daripada tuan."

Begitu juga dengan tokoh yang bernama al-Qa'qa' bin Umar al-Tamimi. Ketika Khalid bin al-Walid mengepung al-Hirah, beliau telah meminta Khalifah Abu Bakar untuk menghantar tentera tambahan. Akan tetapi, Abu Bakar hanya menghantar seorang yang bernama al-Qa'qa' bin Umar al-Tamimi. Kata Abu Bakar, "Pasukan tentera yang memiliki orang seperti beliau tidak akan dapat dikalahkan. Kehadiran dan suara beliau di tengah-tengah tentera Islam lebih bererti daripada tambahan seribu orang pejuang." Hal ini bererti kualiti yang dimilikinya dari aspek fizikal dan spiritual seperti sumbangan buah fikiran yang bernas, komitmen dan doa orang yang kuat imannya lebih bererti daripada banyaknya tentera, tetapi tiada kualiti.

Dalam hubungan nilai kualiti ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Katakanlah: ‘Tidak sama yang buruk dengan yang baik, meskipun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu, maka bertakwalah kepada Allah, wahai orang yang berakal, agar kamu mendapat keuntungan.’” (*Surah al-Ma'idah* 5:100).

Maka itu, benarlah bahawa Islam amat menitikberatkan persoalan kualiti dalam pemilihan kepimpinan. Kesilapan memilih pemimpin boleh mengundang kerosakan, bahkan malapetaka besar kepada sesebuah organisasi dan negara. Apatah lagi orang yang dipilih itu tidak mahu belajar dan mendengar nasihat, tidak bersikap tawaduk, tidak mahu bermuhasabah dan hanya tahu mengarah tanpa ruang musyawarah yang matang.

Antara kriteria yang dititikberatkan oleh Islam dalam pemilihan seseorang pemimpin yang berciri insani termasuklah Muslim dan lelaki (terdapat perbincangan dan kepelbagaian pandangan ulama tentang ciri ini yang membolehkan bukan Islam dan wanita juga menjadi pemimpin), orang yang mampu bersikap adil, berilmu dan mempunyai muhasabah diri yang tinggi, serta berani menyatakan pendirian yang benar tidak kira kepada sesiapa pun walaupun kepada pemimpin yang lebih tinggi. Selain itu, seseorang pemimpin juga perlu memiliki kesempurnaan dan kesihatan tubuh badan, serta beradab dan berakhlak baik. Secara umum, seseorang pemimpin haruslah mampu memberikan contoh teladan mengikut akhlak Islam kepada diri dan orang yang dipimpinnya, menghormati orang lain, tidak bersikap angkuh dan bersifat dengan sifat terpuji.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Disebabkan rahmat daripada Allah-lah (wahai Muhammad) kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri daripada sekelilingmu. Oleh sebab itu, maafkanlah mereka. Mohonkanlah keampunan bagi mereka dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu ...” (*Surah Ali 'Imran* 3:159).

Adil

Allah SWT telah menasihati Nabi Daud tentang cara untuk memimpin sebagaimana firman-Nya yang bermaksud, “Wahai Daud! Sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berikanlah keputusan (perkara) antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikut hawa nafsumu, kerana hal tersebut akan menyekat kamu



Budaya kerja berkualiti dan persekitaran yang kondusif penting bagi melahirkan pekerja yang cemerlang dan berciri insani.

daripada jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat daripada jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan.” (*Surah Sad* 38:26).

Allah SWT juga berfirman kepada Nabi Muhammad SAW berkaitan dengan Ahli Kitab dalam *Surah al-Ma'idah* ayat 42 yang bermaksud, “Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka putuskanlah (perkara itu) antara mereka, atau berpalinglah daripada mereka; dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang yang adil.”

Dalam *Surah al-Nisa'* ayat 58, Allah SWT berfirman lagi yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada mereka yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum antara manusia supaya kamu menetapkannya dengan adil ...”

Berdasarkan dalil tersebut, ternyata konsep keadilan amat dititikberatkan oleh Allah SWT terutama kepada pemimpin. Maka itu, pelaksanaan keadilan tidak mengira pangkat atau darjat, pemimpin atau orang yang dipimpin, kerabat atau rakan terdekat. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Demi Allah, seandainya Fatimah anak Muhammad mencuri, Muhammad pasti memotong tangannya. Orang sebelum kamu hancur kerana apabila orang mulia dalam kalangan mereka mencuri, mereka membiarkan dan apabila orang yang berkedudukan rendah dalam

kalangan mereka mencuri, mereka menjatuhkan hukuman.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Ibn Majah).

Al-Maududi memperlihatkan satu peristiwa semasa pemerintahan Umar al-Khattab. Ketika anak gabenor Mesir pada ketika itu, iaitu Amru bin al-‘As memukul seorang rakyat Mesir dengan sewenang-wenangnya dan perkara tersebut sampai kepada pengetahuan Umar, lalu Umar memanggil Amru dan anaknya. Beliau kemudiannya menyuruh orang Mesir itu memukul kembali anak Amru. Amru juga dipukul oleh sebab alasan yang diberikan oleh anaknya yang bertindak memukul orang Mesir itu adalah kerana dia berbangga dengan kedudukan bapanya sebagai gabenor Mesir.

Maka itu, dalam organisasi, sifat adil wajib ditegakkan tidak kira kepada pemimpin atau pekerja, Muslim atau bukan Muslim. Jika didapati bersalah dengan bukti yang cukup, maka adillah mereka. Jangan pula orang yang menjadi saksi kepada kesalahan yang dilakukan oleh pemimpin diberikan amaran, dan jangan juga menjatuhkan hukuman kepada pesalah sebelum dibuktikan bersalah.

Aspek kedua adalah berkaitan dengan pengagihan hak dan tanggungjawab, serta beban dan habuan dalam kalangan orang yang dipimpin seperti memberikan sebarang anugerah dan pangkat kepada orang yang tidak layak atau tidak berhak menerimanya, sedangkan pada ketika itu ada orang yang lebih layak secara merit untuk menerimanya.

Hak

Persoalan keadilan tidak dapat lari daripada persoalan hak. Kurshid Ahmad menyatakan bahawa hak manusia dalam Islam bukan sahaja berbentuk satu konsep, malah merupakan satu hukum. Yang paling tepat adalah berlandaskan al-Quran dan sunah. Hal tersebut

juga berkaitan dengan persoalan akidah, iaitu dosa dan pahala serta hari akhirat dan pembalasan.

Dalam *Encyclopedia of Islam* turut diuraikan bahawa hak dalam Islam tidak akan terlepas daripada aspek keadilan dan kebajikan. Dalam kitab *al-Islām Huquq al-Ihsan* karangan Mohd Imarah dinyatakan bahawa hak dalam Islam merupakan satu kewajipan, dan berdosa bagi sesiapa yang mencabulinya, sama ada pada peringkat individu, masyarakat mahupun pemerintah.

Jelaslah bahawa konsep adil dan menunaikan hak merupakan amanah Allah yang wajib ditegakkan dengan tegas dan tiada kompromi, tanpa tawar-menawar dan pilih kasih walaupun kaum kerabat dan rakan sekerja. Sebagai Muslim yang beriman dengan kalimah Allah SWT, kita hendaklah mendaulatkan prinsip keadilan ini tanpa ragu-ragu, dan janganlah sekali-kali tunduk kepada sebarang tekanan atau kepentingan.

Keadilan Islam adalah untuk semua pihak, sama ada kawan mahupun lawan, kerabat jauh mahupun dekat, berpangkat ataupun tidak, yang disenangi ataupun yang dibenci, serta sama ada Muslim ataupun bukan Muslim. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar menegaskan keadilan, dan menjadi saksi semata-mata kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika mereka kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka itu, janganlah kamu mengikut hawa nafsu kerana ingin menyimpang daripada kebenaran. Dan jika kamu memutarbelitkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala yang kamu kerjakan.” (*Surah al-Nisa’* 4:135).

Oleh hal yang demikian, jelas bahawa setiap manusia wajib berlaku adil dan menunaikan hak kepada sesiapa yang berhak menerimanya. Sesiapa yang menidakkan hak atau mencabulinya dengan sengaja, maka mereka telah berlaku zalim terhadap orang lain dan melanggar hukum Allah SWT. Oleh itu, tegakkanlah keadilan dan tunaikanlah hak sewajarnya kerana hal tersebut akan dapat meningkatkan kebajikan. Jika aspek keadilan dan hak ini dititikberatkan oleh seluruh pemimpin pada pelbagai lapisan, pasti dapat melahirkan pekerja, komuniti mahupun masyarakat yang berciri insani dan seterusnya membentuk pula persekitaran insani dan berkebajikan, malah akan menggerakkan kita ke arah persekitaran yang islamik. ⑦

